

Ivory syarikat hartanah pertama ke bursa

KUALA LUMPUR 15 Julai – Pemaju hartanah, Ivory Properties Group Bhd. (Ivory) bakal menjadi syarikat pembangunan hartanah pertama disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Bhd. (Bursa Securities) pada tahun ini.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Low Eng Hock berkata, penyenaian tersebut akan meningkatkan motivasi serta kemampuan syarikat dan anak-anak syarikatnya untuk berusaha memperkukuhkan lagi tahap kewangan kumpulan di samping menjalankan serta menyiapkan projek-projek yang lebih besar di dalam dan luar negara.

“Buat masa ini, syarikat kami telah menjalankan projek-projek pembangunan bernilai RM1.51 bilion.

“Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM675.62 juta adalah

projek pembangunan yang telah disiapkan manakala selebihnya iaitu RM834.09 juta merupakan projek yang sedang dalam pembinaan dan dijangka siap dalam masa beberapa tahun lagi,” katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Tambah beliau, penyenaian syarikat tersebut tepat pada masanya memandangkan keadaan pertumbuhan ekonomi serta kenaikan pasaran hartanah amat baik ketika ini.

Kumpulan Ivory yang ditubuhkan pada 1999 telah melaksanakan projek-projek pembangunan hartanah sederhana dan mewah.

Menurut kenyataan tersebut, hari pengundian saham terbitan awam permulaan serta hari penyenaian telah ditetapkan pada 21 Julai dan 28 Julai ini.